



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PENGIKTIRAFAN *PRODUCTIVITY CHAMPION* KEPADA YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
(DATUK BANDAR SEBERANG PERAI) &
PENYAMPAIAN SIJIL AMALAN PERSEKITARAN BERKUALITI (5S) KEPADA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TARIKH / MASA / TEMPAT

23 APRIL 2021 (JUMAAT)
11.45 PAGI

DEWAN KENANGA
MENARA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

Terima kasih Saudara Pengacara Majlis

YBhg. Dato' Abdul Latif Hj Abu Seman

Ketua Pengarah

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

Yang Dihormati En. Zahid Bin Ismail

Timbalan Ketua Pengarah

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

Yang Dihormati Dr. Mazrina Binti Mohamed Ibramsah

Pengarah Wilayah Utara

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir. Hjh Rosnani Binti Hj Mahmod

Setiausaha Bandaraya MBSP

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita semua beroleh kelapangan dan ruang masa untuk berada di sini hari ini, bagi menjayakan program yang melakar sejarah dalam perkhidmatan saya selama ini dan bakal mengangkat MBSP ke satu tahap yang lebih tinggi dalam perkhidmatan awam,

Terlebih dahulu, saya bagi pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. Dato' Abdul Latif Hj Abu Seman, Ketua Pengarah Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) serta barisan pengurusan MPC atas kesudian menjejakkan kaki ke Majlis Bandaraya Seberang Perai. Ibarat kata pepatah, " Kecil Tapak Tangan, Nyiru kami Tadahkan " menyambut kedatangan YBhg. Dato' serta tuan/puan sekalian.

Sesungguhnya saya sendiri, sebagai Datuk Bandar Seberang Perai berserta pengurusan MBSP dan Ahli-Ahli Majlis sekali lagi merasa bangga dan gembira dengan kunjungan pihak MPC ke sini. Apatah lagi atas pengiktirafan yang telah saya terima sebagai *Productivity Champion* sebentar tadi. Begitu juga dengan pengiktirafan Tiga Bintang yang telah

diberikan kepada MBSP dalam pelaksanaan Amalan Persekitaran Berkualiti atau 5S.

YBhg. Dato', Tuan-Tuan Dan Puan-Puan,

Ibarat pepatah “ Kalau Tidak Dipecahkan Ruyung, Manakan Dapat Sagunya” , MBSP juga pada setiap masa membuka ruang untuk idea kreatif dan Inovatif. Sebelum dan semasa kita mendepani cabaran Pandemik Covid-19, kita telah menghasilkan sebanyak 15 inovasi pada tahun lepas yang membantu kita dalam memberikan yang terbaik serta mempermudah pemberian perkhidmatan kepada pelanggan .Antaranya:

- i. Taman Upcycle : Aspirasi Seni Taman Rendah Karbon
- ii. *Integrated Operational Model Via* Iot Sistem Amaran Awal Kawalan Banjir (INSPARK)
- iii. *Visible Grease Trap (VisTrap)*
- iv. Digital@Seberang Perai
- v. Cyber Counter Corner
- vi. Sistem Peruntukan Ahli Majlis
- vii. *Seberang Perai City Channel*

- viii. *Development Of Mini Manufacturing Kiosk To Kick Start Plastic Based Circular Economy*
- ix. *Edutainment Game – Permainan Pendidikan Hijau Digital*
- x. Pelan Pasca Pemulihan Ekonomi (15 Rancangan Pemulihan Rancangan Ekonomi)
- xi. Ewallet Boost@MBSP
- xii. MBSP Cyber Bill
- xiii. MBSP QR Bill
- xiv. *Waste Management (Fleet Tracking System)*
- xv. *Smart Traffic Analytics And Recognition System – (STARS)*
Oleh *TM One Smart Services* Untuk Alat Kawalan Lampu Isyarat

Pada masa kini, MBSP telah menggunakan pendekatan *Behavioral Insight* iaitu satu cabang ilmu daripada *Behavioral Sciences* untuk meningkatkan penggunaan perkhidmatan yang disediakan oleh MBSP. Empat kunci utama dalam *Behavioral Insight* adalah *Make it Easy, Make it Attractive, Make it Social*, dan *Make it Timely*. Pendekatan ini telah berjaya mewujudkan Pasukan 'Tanya Saya' untuk membantu penggunaan

- MBSPPay

- Pembukaan *Cyber Counter Corner* seperti yang telah saya sebutkan tadi untuk melatih orang awam menggunakan *Cyber Counter* dan membuat transaksi secara virtual
- Penubuhan *Seberang Perai City Channel* (SPCC) , juga telah saya sebutkan, sebagai saluran media untuk menyampaikan maklumat terkini MBSP
- Menyediakan hadiah Cabutan Bertuah Cukai Taksiran, *Scan Park and Pay* untuk memudahkan pembayaran melalui *online* tanpa perlu turun dari kenderaan, yang telah dilancarkan pada 16 Februari 2021
- Penggunaan *Cyber Bill* dimana 72,227 *cyberbill* cukai taksiran telah dihantar dari 1 Januari hingga 28 Februari 2021.

YBhg. Dato', Tuan-Tuan Dan Puan-Puan,

Pendekatan *Behavioral Insight* telah berjaya menaikkan transaksi online daripada 54.90 % iaitu 132,024 transaksi sehingga Mac 2020 kepada 66.90 % iaitu 164,019 transaksi sehingga Mac 2021. Nilai transaksi online dari 1 Januari hingga 31 Mac 2021 adalah RM66.44juta berbanding tempoh yang sama iaitu 1 Januari hingga 31 Mac 2020 iaitu RM49.44 juta. Pendekatan ini juga telah meningkatkan pengeluaran lesen tidak berisiko

pada hari yang sama sebanyak 6% (bersih) iaitu 61,474 lesen pada tahun 2020 berbanding 2019 iaitu 57,829 lesen.

Behavioral Insight mempunyai matlamat utama meningkatkan *engagement* dengan rakyat untuk menambahbaik pemberian perkhidmatan kepada rakyat. Simbolik peningkatan *engagement* dengan rakyat dizahirkan dalam bentuk *Signage Nudges* #penangproduktif di hadapan Menara Bandaraya di persimpangan Jalan Perda Utama, Jalan Perda Barat, Jalan Perda Timur yang merupakan kerjasama antara MBSP dan MPC Wilayah Utara.

YBhg. Dato', Tuan-Tuan Dan Puan-Puan,

MBSP sentiasa memahami bahawa mana-mana organisasi yang mempunyai urustadbir yang baik (*Good governance*) akan dapat memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada stakeholders dan mendahului ke semua pesaing-pesaing mereka. MBSP berpegang teguh kepada *The Core Principle of Good Corporate Governance that is “ Indeed God has ordained excellence in everything “*.

Justeru, saya berharap agar tahun 2021 akan membawa lebih banyak kecemerlangan kepada MBSP. MBSP tidak dapat bergerak sendiri tanpa sokongan anda semua. Terima kasih pada semua yang telah menabur bakti ke arah kecemerlangan MBSP bagi menjadikan Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan. Akhir kata, **#StayStrong dan #MajulahMBSP**.

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh.

Terima kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You.